

19 NOV 1996

Apec-AS

KESELAMATAN CLINTON--AMERIKA TIDAK MENGAMBIL MUDAH

Oleh: Abdul Muin Majid

MANILA, 19 Nov (Bernama) -- Kerajaan Amerika tidak mengambil mudah apabila mengambil langkah-langkah menjaga keselamatan Presiden Bill Clinton.

Laporan-laporan berkata hari ini agensi-agensi keselamatan Amerika telah menerbang masuk ke sini kakitangan, peralatan dan persenjataan yang cukup untuk "menjalankan operasi ketenteraan yangb kecil".

Hanya satu pesawat kargo Galaxy C-5 Tentera Udara AS yang dikatakan terbesar dalam senarai pesawat kepunyaannya, menurunkan dua helikopter Sea Stallion, hampir 100 kakitangan keselamatan dan penyelenggaraan dan sekurang-kurangnya 15 kotak yang dipercayai berisi senjata-senjata terkini di Lapangan Terbang Ninoy Aquino di sini.

Clinton akan tiba Ahad ini untuk menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini dan di Subic.

Semasa lawatan Clin terakhir ke Filipina beberapa tahun lepas, pesawat kargo AS membawa 11 limosin, beberapa helikopter, dan ejen-ejen Perkhidmatan Rahsia untuk menjaga keselamatannya.

Jurucakap Angkatan Tentera Filipina Major Gen Victor Garcia dilaporkan sebagai berkata bahawa lebih banyak askar dihantar ke Subic, bekas pangkalan tentera laut AS di sebelah utara ke sini, untuk menghalang sebarang percubaan untuk mensabotaj persidangan Apec itu, termasuk menyekat satu demonstrasi yang menggunakan 3,000 kenderaan yang dirancang hujung minggu ini.

Bagaimanapun, para diplomat berkata adalah sukar bagi mereka yang menyertai demonstrasi anti-Apec itu untuk menghampiri setiap satu dari 18 pemimpin Apec kerana langkah-langkah keselamatan telah disediakan.

Pemimpin-pemimpin yang akan hadir ialah termasuk President Suharto dari Indonesia, Presiden China Jiang Zemin, Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MAM CTL WAT